

08/04/1999

Kesihatan Perdana Menteri bertambah baik

Zulkofli Jamaludin; Fazli Abdullah; Faizal Fadzil
KUALA LUMPUR, Rabu - Keadaan kesihatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menjalani rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) sejak Jumaat lalu kerana jangkitan paru-paru, kini bertambah baik.

"Rawatan yang diberikan oleh doktor di IJN menunjukkan kesan yang positif dan menggalakkan.

"Bagaimanapun, mereka sudah menasihatkan supaya Dr Mahathir terus berehat di IJN sehingga beliau pulih sepenuhnya," kata satu kenyataan yang dikeluarkan pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

Menurut kenyataan itu, Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua pihak yang menghantar kad ucap selamat serta jambangan bunga dan yang membuat panggilan telefon untuk mengetahui keadaan Perdana Menteri.

"Dr Mahathir melahirkan rasa terharu atas keprihatinan orang ramai yang mendoakan supaya beliau cepat sembuh dan kembali bertugas secepat mungkin," menurut kenyataan itu.

Beliau juga meminta maaf kerana tidak dapat bertemu dengan pelawat yang datang mengunjungi beliau atas nasihat doktor supaya beliau berehat sepenuhnya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Dr Mahathir kini sudah berjalan-jalan di dalam biliknya dan tidak hanya tidur dan berehat seperti sebelum ini.

"Saya dimaklumkan mengenai kesihatan Dr Mahathir oleh salah seorang setiausahanya hari ini.

"Keadaan kesihatan Perdana Menteri tidak perlu dibimbangkan. Kita perlu terus berdoa mudah-mudahan beliau bertambah sihat dan kuat semula untuk meneruskan kerja beliau," katanya.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata beliau menziarahi Dr Mahathir semalam dan memaklumkan mengenai beberapa perkara yang dilaksanakan bagi pihak Perdana Menteri.

Mengenai penyebaran khabar angin, termasuk melalui Internet mengenai kesihatan Perdana Menteri, beliau sendiri tidak faham bagaimana keadaan Dr Mahathir yang sakit itu dijadikan sebagai isu membuatkan orang sakit hati dan susah hati.

"Ini sepatutnya tidak berlaku langsung, sebab beliau sekarang sakit dan sepatutnya kita mendoakan agar beliau cepat sihat, daripada mengucapkan perkataan yang tidak wajar," katanya.

Beliau berkata, kalau ada perkara yang perlu diberitahu, kerajaan akan mengeluarkan kenyataan.

Abdullah meminta orang ramai supaya tidak melayan khabar angin.

"Bila ada orang layan khabar angin dan terkejut, gempar dan kelam-kabut pula apabila mendengar khabar angin itu, orang yang buat khabar angin itu seronoklah. Tak tahulah mereka ini mungkin ada niat tertentu," katanya.

Mengenai laporan Suruhanjaya Siasatan mengenai kes kecederaan mata Datuk Seri Anwar Ibrahim, Abdullah berkata beliau telah menerima laporan itu daripada Yang di-Pertuan Agong dan kerajaan akan meneliti perkara dan cadangan yang dikemukakan itu.

(END)